



## جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

### Soalan :

Sah atau tidak jika kita korban kerbau balar yang sakit menggeletar (parkinson) tetapi tubuhnya kekar, gemuk, banyak daging dan tiada kecacatan lain?

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

### Jawapan :

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah ﷻ, selawat dan salam atas Nabi besar Junjungan kita Muhammad ﷺ beserta keluarga dan sahabatnya ﷺ, dan mereka-mereka yang mengikut segala sunnah Nabi Muhammad ﷺ sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada saudara, di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Ibadah korban pada musim perayaan “Aidil Adha” merupakan satu ibadah yang tidak asing lagi dalam masyarakat Islam dilakukan pelbagai bangsa di negara kita, walaupun hukumnya hanya sekadar Sunat Muakkad. Mengikut pandangan yang muktamad dalam kitab “Al-Mu’tamad fil Fiqhi Asy-Syafie”

*“korban merupakan sunat kifayah yang mana apabila salah seorang daripada ahli keluarga melaksanakannya maka kesemua keluarga tersebut mendapat pahala sunat korban.”*

Ini menunjukkan bahawasanya mereka merupakan mengamal agama Islam yang baik, yang sentiasa mengambil peluang dan berlumba-lumba menambah pahala dalam apa jua amalan-

amalan dalam Islam. Sebelum kami menjawab persoalan di atas, ingin kami lontarkan satu hadis yang menunjukkan ibadah yang paling afdhal untuk dilaksanakan pada hari raya aidiladha adalah dengan menumpahkan darah korban. Hadis daripada Aisyah رضي الله عنها, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

“مَا عَمِلَ آدَمِيُّ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، إِنَّهُ لَيَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَخْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ مِنَ الْأَرْضِ، فَطَيِّبُوا بِهَا نَفْسًا”

*Maksudnya: “Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak adam pada hari al-Nahr (Raya Aidiladha) yang lebih dicintai oleh Allah ﷻ selain daripada menumpahkan darah (binatang korban). Sesungguhnya ia akan datang pada hari Kiamat dengan tanduknya, bulunya dan kukunya dan sesungguhnya darah tersebut akan sampai kepada redha Allah ﷻ sebelum ia jatuh ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kamu (dengan berkorban).”*

(Riwayat al-Tirmizi (1493), Imam al-Tirmizi menghukum hadis ini sebagai hasan gharib)

Ini kerana, ia akan datang pada hari akhirat sepertimana ia di dunia tanpa terdapat kekurangan padanya agar setiap daripada anggota itu terdapat padanya ganjaran (pahala) dan ia juga akan menjadi tanggungan orang yang berkorban itu ketika melintasi titian sirat. (Tuhfah al-Ahwazi, 5/61)

Salah satu syarat-syarat binatang korban yang ditetapkan oleh ulama'-ulama' Syafie, seperti di nukilkan dalam kitab Al-Mu'tamad Imam Asy-Syafie ialah selamat daripada kecacatan (sihat dan tidak berpenyakit). Ini berdasarkan hadis Al-Barra' bin A'zib رضي الله عنه telah berkata, sabda Rasulullah ﷺ:

“أَرْبَعٌ لَا تَجُوزُ فِي الْأَضَاجِيِّ فَقَالَ: الْعَوْرَاءُ بَيْنَ عَوْرَتِهَا، وَالْمَرِيضَةُ بَيْنَ مَرَضَتِهَا، وَالْعَرَجَاءُ بَيْنَ ضَلْعَيْهَا، وَالْكَسِيرُ الَّذِي لَا تَنْقَى”

*Maksudnya: “Empat perkara yang tidak boleh ada pada binatang korban itu, lalu Baginda ﷺ bersabda: “Buta yang nyata butanya, **sakit yang nyata penyakitnya**, tempang yang nyata tempangnya dan yang kurus dan lemah.” (Hadis riwayat Abu Daud, 2420 )*

Daripada hadis ini dapat kita memahami beberapa perkara berkenaan dengan keadaan bentuk fizikal binatang yang boleh dibuat korban dan tidak boleh :

- 1) Binatang yang buta atau rosak matanya atau yang tidak dapat melihat sekalipun biji matanya masih ada, maka tidak boleh dibuat korban. Jika matanya itu ada sedikit kecacatan seperti sedikit rabun tetapi ia masih boleh melihat, maka ia sah dibuat korban.
- 2) Binatang yang jelas tempang kakinya yang mana jika ia berjalan bersama-sama sekumpulan kawan-kawan binatang yang lain di padang untuk mencari makan, ia tidak boleh ikut berjalan bersama dengan binatang-binatang itu, bahkan ia tertinggal jauh di belakang, maka tidak boleh dibuat korban. Jika tempangnya itu sedikit iaitu tempang yang tidak menghalang daripada mengikuti kawan-kawannya, maka ia sah dibuat korban.
- 3) **Binatang yang nyata sakitnya sehingga menjadikan binatang tersebut kurus dan kurang dagingnya, maka tidak boleh dibuat korban. Tetapi jika sakitnya itu sedikit dan tidak mengurangi dagingnya maka ia sah dibuat korban.**
- 4) Binatang yang kurus sama ada kerana sakit, gila atau kurang makan dan sebagainya, maka tidak boleh dibuat korban.
- 5) Binatang yang telinganya terpotong walaupun sedikit atau yang tidak bertelinga sejak dilahirkan kerana telah hilang sebahagian anggota yang boleh dimakan dan mengurangkan dagingnya maka tidak boleh dibuat korban. Tetapi tidak mengapa jika telinganya koyak atau berlubang dengan syarat tidak gugur daripada dagingnya, walaupun sedikit.
- 6) Binatang yang terpotong ekornya walaupun sedikit atau terpotong sebahagian lidahnya atau yang terpotong suatu yang nyata daripada pahanya, maka tidak boleh dibuat korban. Adapun yang dilahirkan tanpa berekor sejak dilahirkannya adalah sah dibuat korban. (Sabilal Muhtadin 2/227)
- 7) Binatang yang gugur semua giginya sehingga menghalangnya makan rumput, maka tidak boleh dibuat korban. Adapun yang tanggal sebahagian giginya dan tidak menghalangnya makan rumput dan tidak mengurangkan dagingnya (tidak kurus) ia boleh dibuat korban. (Muhammad Asy-Syarbib, Al-Iqna' fi hilli al-Faaz Abi Syuja', Juz 2, halaman 280)
- 8) Binatang yang berpenyakit gila atau yang kena penyakit kurap sekalipun sedikit, maka tidak boleh dibuat korban.

- 9) Binatang yang bunting kerana bunting itu mengurangkan dagingnya, maka tidak boleh dibuat korban. (Al-Majmu' 8/293-2966 dan Mughni al-Muhtaj 4/520) Pendapat ini adalah muktamad. Mengikut Ibn al-Rif'ah memadai korban daripada binatang yang bunting.
- 10) Bagi binatang yang baharu beranak boleh dibuat korban berdasarkan pendapat Ibnu Hajar dalam "Tuhfah" dan Ar-Ramli dalam "Nihayah", manakala mengikut pendapat Khatib Syarbini dalam "Mughni Al Muhtaj" bahawa binatang tersebut tidak memadai dibuatkan korban. (Sabilul Muhtadin 2/227)
- 11) Binatang yang harus dibuat korban itu tidak kira samaada jantan atau betina atau khuntha.
- 12) Binatang yang dikasi, sah dan harus dibuat korban, kerana dengan dikasi tubuhnya semakin bertambah gemuk. (Muhammad Asy-Syarbibi, Al-Iqna' fi hilli al-Faaz Abi Syuja', Juz 2, halaman 280)

Maka kami berpandangan berdasarkan ulasan-ulasan diatas, kerbau tersebut **sah di buat korban** atas dasar sifat-sifat kerbau yang dinyatakan oleh tuan penanya. Namun begitu, jikalau pakar perubatan haiwan mengesahkan dagingnya mendatangkan kemudharatan kepada manusia, maka tidak boleh dijadikan binatang tersebut sebagai binatang korban.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ وَإِلَيْهِ مَرْجِعُ وَالْمَأْبُوتِ

Rujukan :

1. Al-Mu'tamad fil Fiqhi Asy-Syafie, Prof. Dr. Wahbah Az-Zuhaili, 2/478
2. Kitab Bughyah at-Tullab. hlmn. 128
3. Kitab Syarqawi 'ala al-Tahrir
4. Fatawa Imam ramli, 2/339
5. Sabilal Muhtadin
6. Al-Majmuk Imam Nawawi
7. Al-Iqna' fi hilli al-Faaz Abi Syuja'